

## **KEPERLUAN HISBAH DALAM AMALAN ETIKA AKADEMIK PENSYARAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

**Muslihah Mazlan<sup>1\*</sup>**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Noor Azizah Jakaria**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: muslihah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 9 November 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Hisbah adalah merupakan suatu sistem pengawasan yang melibatkan proses pengawasan dalaman dalam memastikan al-amr bi ma'ruf wa al-nahy an-al-munkar (menyeru ke aras kebaikan dan mencegah kemungkaran). Proses ini penting dalam membina kesedaran beretika dalam kalangan pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Namun begitu masih terdapat tingkah laku yang menyalahi etika akademik dalam kalangan pensyarah khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Justeru penelitian terhadap keperluan hisbah perlu dititikberatkan. Persoalannya, bagaimanakah keperluan hisbah yang perlu ditambahbaik untuk memastikan pensyarah mengamalkan etika akademik di IPT. Oleh yang demikian, keperluan hisbah dalam amalan etika akademik juga dilihat dapat memainkan peranan penting dalam usaha memastikan pensyarah mengamalkan tingkah laku yang beretika. Kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama mengenal pasti konsep dan perkaitan hisbah dan amalan etika. Kedua, mengetengahkan keperluan hisbah dalam amalan etika akademik pensyarah di IPT. Bagi mendapatkan data-data, kajian kualitatif ini menggunakan kaedah perpustakaan (library research). Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan (content analysis). Dapatan awal kajian ini mendapatkan bahawa keperluan hisbah khususnya muhasabat al-nafs (pengawasan diri sendiri) sangat penting dan perlu diterapkan dalam amalan etika akademik pensyarah di IPT. Hal ini kerana keperluan hisbah dalam amalan etika akademik mampu membina kesedaran pensyarah untuk lebih menghayati, menerapkan amanah dan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadat yang sentiasa diberikan perhatian di dunia dan di akhirat. Sebagai

<sup>1</sup> Muslihah Binti Mazlan merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan Islam di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

kesimpulan, kajian ini menerangkan keperluan hisbah dalam amalan etika akademik pensyarah di IPT merupakan satu alternatif dan penambahbaikan kepada institusi pengajian tinggi.

**Kata Kunci:** Amalan Etika Akademik; Pensyarah; Institusi Pengajian Tinggi; Hisbah; *Muhasabat al-nafs*

## ***HISBAH REQUIREMENTS IN THE ACADEMIC ETHICS PRACTICE OF LECTURERS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (IPT)***

### **ABSTRACT**

*Hisbah is a surveillance system that involves an internal surveillance process in ensuring that al-amr bi ma'ruf wa al-nahy an-al-munkar (calling to the level of goodness and preventing default). This process is important in building ethical awareness among lecturers in Higher Education Institutions (IPT). However, there is still behaviour that is against academic ethics among lecturers especially in the aspect of teaching and learning as well as research. Hence, the study of the need for hisbah should be emphasized. The question is, how should the need for hisbah be improved to ensure that lecturers practice academic ethics in IPT. Therefore, the need for hisbah in academic ethical practices is also seen to play an important role in ensuring that lecturers practice ethical behavior. The study has two objectives. First identify the concept and relevance of hisbah and ethical practice. Second, highlight the need for hisbah in the academic ethics practices of lecturers in IPT. To obtain data, this quality study uses the library method (library research). The data obtained are analyzed using content analysis. The initial findings of this study found that the need for hisbah especially muhasabat al-nafs (self-supervision) is very important and should be applied in the academic ethics practices of lecturers in IPT. This is because the need for hisbah in academic ethical practice is able to build the awareness of lecturers to appreciate more, apply trust and responsibility as a servant of Allah SWT and consider the work that is carried out as worship that is always given attention in this world and in the hereafter. In conclusion, this study explains the need for hisbah in the academic ethics practices of lecturers at IPT as an alternative and an improvement to higher learning institutions.*

**Keywords:** Academic Ethical Practice; Lecturer; Higher Education Institution; Hisbah, Muhasabat al-nafs

### **PENDAHULUAN**

Budaya akademik yang baharu menuntut tanggungjawab yang berat diatas bahu pensyarah. Tanggungjawab para pensyarah kini bukan sahaja perlu mengajar atau menyampaikan kuliah dan menasihati pelajar dari aspek akademik tetapi juga aktiviti lain seperti penyelidikan, penerbitan, penulisan, khidmat masyarakat dan

pengurusan akademik. Ramai pemerhati budaya akademik kontemporari telah mendokumenkan kes-kes etika dalam kalangan ahli akademik. Antara kesalahan etika yang dilakukan ialah lewat ke kelas, berat sebelah dalam penilaian atau mengamalkan '*favouritisme*' dalam kalangan pelajarnya, *plagiat*, gagal menjalankan tugas pentadbiran dengan sempurna, menggunakan perkataan yang kesat dalam forum-forum akademik dan yang paling penting ketidaksungguhan untuk menegakkan dalam hal pengajaran dan penyelidikan (Maisarah Mohamed Saat, 2005). Penipuan akademik atau *academic corruption* yang menjadi amalan pentadbiran yang tidak beretika telah menjadi rutin dalam kampus. Misalnya, menilai laporan kajian rakan sebaya yang tidak adil dalam menentukan kedudukan seseorang dalam fakulti, pembentukan jawatankuasa yang dipengaruhi oleh prejedis, malah keputusan atau pertimbangan banyak dibuat berdasarkan asal usul etnik, gander dan kaum bukan berdasarkan keupayaan sebenar seseorang ahli akademik itu (de Russy, 2003). Seorang professor kejuruteraan di University of Wisconsin, Amerika Syarikat yang dipenjara selama tiga bulan dan denda US \$10,000 kerana memalsukan maklumat dalam satu permohonan geran penyelidikan daripada pusat penyelidikan universitinya. Beliau mengaku bersalah dan telah diturunkan daripada jawatan pengarah pusat tersebut (Chronicle of Higher Education, 1999).

Jakarta Post (2003) pula melaporkan bahawa kepincangan etika dalam kalangan pendidik Indonesia sudah menjadi satu penyakit yang biasa. Artikel tersebut melaporkan kebimbangannya bahawa *plagiat* telah menjadi lumrah dan yang amat menyediakan ianya berlaku dalam dunia akademik. Dunia akademik di luar negara menempuh banyak ranjau dan halangan dengan isu dan kontroversi etika. Di Malaysia ianya tidak begitu menonjol atau meruncing sekurang-kurangnya, tiada kesalahan akademik serius yang mencalar kredibiliti dan martabat profesion akademik. Tetapi apa yang berlaku dalam dunia akademik di luar negara perlu diambil ikhtibar dan pengajaran agar kesilapan yang sama tidak berulang. Kesedaran etika perlu dalam setiap individu pensyarah. Hauptman (2002) mencadangkan prinsip etika perlu dipatuhi setiap ahli akademik bahawa tiada toleransi terhadap semua tindakan yang tidak beretika atau mereka yang melanggar prinsip etika.

Keperluan hisbah sebagai satu konsep kawalan amalan dan tingkah laku pensyarah adalah sesuai pada masanya dan tempatnya. Ini adalah kerana konsep hisbah sangat mengutamakan prinsip amanah dan tanggungjawab di dalam setiap segala urusan akademik. Madzelah (2008) menjelaskan bahawa hisbah merupakan aspek penting dalam sistem pemerintahan dan urus tabdir Islam. Ianya merupakan sistem yang berkembang dalam masyarakat Islam untuk memelihara kepentingan umum. Aplikasi hisbah ini amat dituntut untuk menerajui mana-mana sistem pengurusan terutama dalam aspek penilaian pengajaran dan pembelajaran dan penyelidikan. Ini menjadikannya ciri penting bagi menentukan kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan pensyarah di institusi pengajian tinggi. Jaminan ini adalah berteraskan kejayaan dan keberuntungan yang dijanjikan Allah SWT dalam surah Ali Imran yang bermaksud,; “*Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung*” (ali ‘Imran: 104). Oleh itu, hisbah adalah bentuk pengawasan yang dapat mengajak para

pensyarah di institusi pengajian tinggi melakukan kebaikan dan menghindari daripada berlakunya kemungkaran. Dalam konteks etika akademik pula, hisbah mampu menggalakkan pensyarah melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar di samping melaksanakan tanggungjawab sebagai pensyarah.

Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan mengenai keperluan hisbah dalam amalan etika akademik pensyarah di institusi pengajian tinggi. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama membincangkan pengertian hisbah dan etika akademik dan kedua, membincangkan mengenai keperluan hisbah dalam amalan etika akademik.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data-data serta maklumat bagi kajian menggunakan beberapa kaedah. Secara umumnya, kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data berbentuk kualitatif terhasil daripada jenis data iaitu temu bual, pemerhatian dan kajian perpustakaan (Patton, 1990). Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data melalui *library research* (kajian perpustakaan) ini melibatkan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Analisis dokumen dapat membantu memahami sesuatu konsep atau mendapatkan teori pengetahuan baru (Patton, 1990). Oleh itu, pengumpulan data kajian ini dilakukan dengan menganalisis dokumen seperti buku-buku terutama buku hisbah dan etika akademik, jurnal dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isu hisbah dan etika akademik.

Kaedah penganalisisan data merupakan proses menganalisis merumuskan, menghuraikan dan menjelaskan data kandungan ke dalam kajian. Bagi mendapatkan dapatan kajian data-data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Membuat huraian terhadap mesej komunikasi sama ada yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan merupakan bentuk analisis kandungan dijalankan (Sabitha Marican, 2005). Oleh itu, perolehan data dalam kajian ini dianalisis serta dikembangkan berdasarkan maklumat yang didapati daripada buku-buku, jurnal, kajian-kajian lepas, kertas kerja dan sebagainya. Kepelbagai sumber data ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan hisbah dan etika akademik.

## KONSEP HISBAH

Definisi *hisbah* (حسب) berasal daripada perkataan *hasaba-yahsubu* (حسب بحسب) iaitu yang membawa maksud “mengira” dan “jumlah” (Mahmud Yunus, 1989). Menurut Abd Karim Zaidan (1984) dalam kitabnya *Nizam Al-Qada'i*, hisbah dari sudut bahasa membawa maksud membilang dan menghisab. Dalam erti lain hisbah diambil daripada perkataan *al-Ihtisab* yang dipakai dalam melakukan sesuatu yang diperhitungkan pahala disisi Allah SWT. Perkataan hisbah ini mempunyai beberapa pengertian iaitu bilangan, kebanggaan, memadai dan ganjaran (Abi Husayn, 1972). Oleh itu, konsep hisbah secara terminologi ialah satu tugas, perbuatan dan suruhan agama yang merangkumi konsep menyeru ke arah kebaikan seperti yang

dituntut dalam Islam (Ibn Manzur, 1988). Dari sudut bahasanya pula, hisbah mempunyai maksud menyuruh melakukan yang ma'ruf apabila ternyata ditinggalkannya dan dicegah kemungkaran apabila ternyata dilakukan (Al-Mawardi, 450H).

Ibn Khaldun pula berpendapat bahawa hisbah adalah tugas keagamaan yang termasuk dalam bab perintah melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menurut Abd al-Rahman (t.t) menjadi kewajipan ke atas mereka yang mentadbir urusan umat Muslimin untuk melantik seseorang yang mampu melaksanakan tugas hisbah dalam sesuatu masyarakat. Pelaksanaan hisbah adalah berteraskan kepada pemahaman dan pengamalan konsep amar makhruf dan nahi mungkar yang merangkumi hak Allah SWT, individu dan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Penguatkuasaan amar makruf dan nahi mungkar ini meliputi semua kegiatan manusia termasuklah dalam politik ekonomi dan sosial dan ianya demi menjamin kemaslahatan masyarakat sekali gus menolak segala kerosakan (Mohd Miqdad Aswad et al., 2016).

Hisbah merupakan elemen penting dalam pengurusan Islam yang berperanan sebagai sistem pengawasan terhadap sesebuah masyarakat, organisasi dan individu (Adam Drahman & Suhaimi Ab. Rahman, 2019). Prinsip hisbah bermula dengan pengawasan dalaman yang dikenali sebagai *muhasabat al nafs*. Ia merupakan asas pengawasan yang bertujuan memastikan pentadbiran dan pengurusan berjalan dengan baik dan tidak berlaku percampuran yang benar dan yang batil ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Pengawasan dalaman merupakan pengawasan terhadap diri sendiri yang timbul daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap manusia dan segala amalan yang dilakukan oleh manusia akan diperhitungkan di akhirat (Marzelah, 2008). Hisbah ini adalah berdasarkan *al-'Amr bi al-Ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* yang berupaya memperkembangkan kemampuan diri untuk menilai diri sendiri dengan menekankan emosi dan jiwa, perubahan tingkah laku dalam diri sehingga membentuk kesedaran berakhhlak dan penghayatan dalam kehidupan yang berteraskan kepada syariat Islam. Dengan menerapkan hisbah ini ia dapat membendung seseorang insan daripada terjebak melakukan sesuatu kemungkaran ketika melaksanakan tugasannya (Auni Abdullah, 2000). Terdapat enam tahap pengawasan yang perlu dilakukan untuk menjadikan prinsip hisbah berkesan dalam pengawasan dan penguatkuasaan iaitu *musyaratah* (perjanjian hati), *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku), *muhasabah* (perhitungan amalan), *muraqabah* (peneguhan rohani), *mujahadah* (penentangan nafsu) dan *muatabah* (penegasan jiwa) (Sa'id Hawwa, 1998).

## 1. ***Musyaratah* (Perjanjian Hati)**

*Musyaratah* atau perjanjian hati bermaksud membuat pensyaratan melalui ikatan hati. Hati adalah pusat ingatan dan pemahaman (al-Razi, 2000). Hati mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dikategorikan sebagai perilaku kalbu (Hasnan, 2008; Rusdin, 2011). Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan motivasi yang dimiliki oleh seseorang dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah SWT (Hamka, 2003).

## 2. ***Muraqabah* (Pemerhatian Tingkah Laku)**

*Muraqabah* atau pemerhatian tingkah laku melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah pemerhatian kekuasaan Allah SWT (Al-Waqiah: 63-64,68-69, al-An'am:50). *Muraqabah* bertujuan untuk memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada ketaatan kepada Allah SWT (Al-Baqarah: 238,285, al-Imran: 17, 146, al-Maidah: 7, al-Nisa:69, al-Maidah: 7). Oleh yang demikian, *muraqabah* dapat memastikan diri sentiasa mematuhi amar makruf dan meninggalkan kemungkaran yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Al-Baqarah: 160, al-Nisa:16, al-Maidah:62,68,100, Hud: 122).

## 3. ***Muhasabah* (Memperhitungkan Diri)**

*Muhasabah* atau perhitungan amalan bermaksud membuat pertimbangan terhadap amalan yang dilakukan dalam urusan kehidupan dengan merenung kembali dan memperbaiki amalan demi kerana Allah SWT. *Muhasabah* juga dikenali muhasabah diri dalam mengenali diri sendiri dengan segala kekurangan yang dimiliki. Tujuannya untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah SWT (Abu Umar Basyir, 2005; Ibn Sina, 2009; Zuridan, 2010).

## 4. ***Mu'aqabah* (Peneguhan Rohani)**

*Mu'aqabah* atau peneguhan rohani ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalan *mu'aqabah* adalah amalan :

- a) Berdoa (Al-Baqarah: 126, al-Imran:38, al-A'raf: 151, al-Qisas:24);
- b) Membaca al-Quran (Al-Baqarah: 44, al-Imran:78,113,133, Yusuf: 2,15);
- c) Solat (Al-Baqarah:3, al-Maidah:6, al-Nisa':102,103);
- d) Puasa (Al-Baqarah:93,183, 184, 185, 187, 196, al-Nisa': 92, al-Maidah:89,95);
- e) Zikir (Al-Sajadah:15, al-Safaat:143, al-Isra': 44) dan
- f) Sedekah (Al-Baqarah: 263, 273, 268, al-Maidah:12, al-sajadah:27).

## 5. ***Mujahadah* (Penentangan Nafsu)**

*Mujahadah* atau penentangan nafsu bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah *mujahadah* berasal daripada perkataan jihad iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar. Al-Ghazali (2004) menjelaskan bahawa *mujahadah* secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara. *Mujahadah* dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan.

## 6. ***Mu'atabah (Pembersihan Jiwa)***

*Mu'atabah* atau pembersihan jiwa melibatkan elemen roh, qalb, aqal dan *al-nafs* (Ansari, 1992 & Abdul Salim, 2003) sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan manusia. Oleh itu, tindakan *mu'atabah* dapat membuka hari manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah (Ibn Sina, 2009; Mostafa, 2009). *Mu'atabah* juga adalah proses mendidik diri mencapai ke jiwa yang *mutma'inah* (al-Baqarah: 248, al-Fajr:27).

## **KONSEP ETIKA**

Etika adalah satu daripada cabang pengajian falsafah yang menumpukan persoalan moral dan moral pula adalah sains berkaitan dengan tingkah laku manusia (Nash, 2007). Fagothey (1972) menyatakan bahawa etika adalah satu pengajian berkaitan dengan amalan manusia yang betul dan salah; dan yang baik dan jahat. Konsep etika juga dilihat melalui dua unsur iaitu metaetik dan normatif etik (Reamer, 1982). Metaetik melibatkan analisis mengenai definisi dan pengertian terma yang digunakan seperti baik dan jahat, dan betul dan salah. Normatif etik pula melihat kepada aplikasi kod atau standard etika dan nilai sebagai cara untuk menentukan sesuatu keputusan, tindakan atau gaya hidup samada ianya salah atau betul atau baik atau jahat. Konsep etika yang berkaitan dengan amalan professional lebih menjurus kepada persoalan normatif etik (Shamsuddin Ahmad et. al., 2009). Ia berbentuk pengetahuan praktikal (Finnis, 1983). Dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada normatif etik dan bukannya persoalan yang berkaitan dengan persoalan metaetik. Di negara maju persoalan etika dalam profesion telah banyak diperkatakan. Kebanyakan profesion di negara-negara tersebut mempunyai sistem pendidikan professional lanjutan yang menekankan isu etika. Sebagai contoh Nash (2007) menekankan pendidikan etika kepada doktor gigi, manakala Bowman, Berman dan West (2001) kepada pentadbir awam, Winstanley dan Woodal (2004) dalam bidang pengurusan sumber manusia, Loviscky, Trevino dan Jacobs (2007) dalam bidang pengurusan perniagaan, Laninska dan Garcia-Lamor (2006) dalam bidang pendidikan dewasa dan sebagainya. Masalah berkaitan dengan etika adalah sangat penting kerana ia melibatkan orang ramai namun pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang dan tindakan disiplin kurang berkesan dan kurang dijalankan kerana masalah mengenai amalan tidak beretika makin bertambah dan makin rumit untuk dicari punca dan penyelesaian. Semua professional, apakah lagi jika mereka menjadi pemimpin perlulah bertanggungjawab di atas perlakuan mereka supaya ia menjadi standard (Mohd Tap Salleh, 2007).

## **ETIKA AHLI AKADEMIK**

Sesebuah institusi atau organisasi menggariskan perkara-perkara yang perlu diamalkan atau dijalankan oleh ahlinya untuk kebaikan institusi atau organisasi tersebut. Ia biasanya akan dikuatkuasakan dengan menggunakan kod etika atau peraturan etika yang memandu ahli-ahli organisasi kepada tingkah laku yang baik

dan diterima secara universal. Misalnya Kod Etika Profesional Staf UTM antaranya menggariskan lima prinsip etika yang perlu dihayati dan dipatuhi oleh ahli akademik (Universiti Teknologi Malaysia, 2001). Pertama, seseorang ahli akademik di menara gading berkewajipan menampilkkan kewibawaan peribadi yang merangkumi komitmen kepada kecemerlangan, akauntabiliti dalam amalan dan peranan professional diri yang boleh dicontohi secara konsisten dan berkesan (Maisarah Mohamed Saat, 2005). Prinsip pertama ini menuntut setiap ahli akademik agar berwibawa dalam bidang kepakarannya dan tindak tanduknya sekaligus menjadi teladan dan inspirasi atau *role model* kepada pelajar.

Prinsip kedua merupakan penghayatan nilai-nilai luhur seperti niat yang ikhlas, semangat berpasukan, saling hormat menghormati dalam mengukuhkan keharmonian hubungan interpersonal. Nilai ketiga pula ialah akauntabiliti, bukan sahaja kepada organisasi tetapi juga kepada negara, masyarakat, agama dan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder*). Akauntabiliti menerangkan tentang tanggungjawab, nilai ini menuntut supaya ahli akademik menjalankan tanggungjawabnya kepada banyak pihak dan bersedia menjawab atau menerangkan tentang segala tindakannya. Ahli akademik juga dituntut supaya menghidupkan dan menyemarakkan budaya organisasi dinamik dalam prinsip etika yang keempat. Melalui prinsip ini, ahli akademik diminta untuk sama-sama mendukung falsafah organisasi, bersedia menghadapi dan mengikut budaya ilmu dan budaya korporat. Akhir sekali, setiap ahli akademik perlu mematuhi peraturan. Secara keseluruhannya, etika akademik iaitu standard tingkah laku akademik dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi yang wajib dijalankan dan dipatuhi bersama.

## **ANALISIS KEPERLUAN HISBAH DALAM AMALAN ETIKA AKADEMIK**

Secara keseluruhannya, penyelesaian masalah yang berkaitan dengan etika tidak semudah dengan membentuk kod etika bagi setiap profesi. Kod etika hanyalah kenyataan peraturan apa yang perlu dibuat dan dihindarkan (Shamsuddin Ahmad et. al., 2009). Proses bagaimana seseorang pensyarah membuat keputusan berkaitan etika adalah lebih penting. Dimensi etika merupakan proses yang dilalui pensyarah terutama apabila mereka menghadapi dilema dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan etika (Brockett, 1988). Mengikut Brocket (1988), terdapat tiga dimensi utama dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan etika. Ia bermula dengan sistem nilai yang dipegang oleh seseorang pensyarah dan diikuti dengan pemilihan yang perlu dibuat berdasarkan keutamaan tanggungjawab yang dipegang. Setelah itu barulah amalan beretika dapat diamalkan dalam bentuk kenyataan seperti kod etika yang dipegang sebagai peraturan untuk mengawal perlakuan setiap pensyarah. Keperluan hisbah terhadap amalan etika dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi amat penting bagi menjamin kredibiliti profesi pensyarah. Justeru itu, amalan etika melalui aplikasi hisbah dapat menyediakan kaedah pencegahan sebelum berlakunya sesuatu perlakuan buruk berlaku (Hayaati, 2008). Para pensyarah terutamanya harus memiliki integriti yang tinggi bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang diberikan di institusi pengajian tinggi. Jika diteliti dalam membentuk amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah di

institusi pengajian tinggi, pendekatan hisbah merupakan rangsangan dalaman yang mendorong motivasi kepada tingkah laku yang diamalkan. Rangsangan dalaman iaitu *muhasabah al-nafs* adalah merupakan etika yang harus diaplikasikan oleh pensyarah kerana ianya sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. Tugas utama mereka ialah untuk merealisasikan pengawasan terhadap tingkah laku dan amalan berlandaskan etika akademik di institusi pengajian tinggi merupakan bebanan yang besar. Apabila adanya amanah dan rasa tanggungjawab terhadap diri dan komuniti institusi pengajian tinggi umumnya, maka pemantapan kualiti institusi boleh menjadi kenyataan.

## KESIMPULAN

Hisbah merupakan elemen pengawasan yang menjadi asas kepada keperluan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi khususnya. Ianya mempunyai peranannya tersendiri bagi memastikan tingkah laku dan amalan pensyarah mematuhi kod etika yang telah ditetapkan. Aplikasi prinsip-prinsip hisbah yang diterapkan dalam amalan etika akademik dalam menjamin kualiti dan kredibiliti seseorang pensyarah tersebut. Para pensyarah terutamanya yang beragama Islam, memainkan peranan yang cukup penting. Institusi pengajian tinggi ini akan terus berkembang sesuai dengan tuntutan prinsip-prinsip hisbah dan Masyarakat yang sentiasa mahukan setiap perkhidmatan yang memiliki jaminan kualiti dan mengikut etika.

## RUJUKAN

- Al-Razi, Muhammad Ibnu Umar. (2000). *Ruh dan jiwa: Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam*. H.Moctar Zoerni & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbah dalam pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : IKDAS SDN BHD.
- Bowman, J.S., Berman, E. M, & West, J.P. 2001. The Profession of Public Administration: An Ethics Edge in Introductory Textbook? *Public Administration Review*, March/April, Vol.61, No.2 194-205
- Brocket, R.G. 1988. *Ethics and the adult educator*. In R.G.Brockett(ed). Ethical Issues in Adult Education. New York: Teachers' College, Columbia University.
- Chronicle of Higher Education, 1999. “*Professor Gets Jail Time For Lying To Win Grants*”, Vol. 45, Issue 22.
- De Russy, C. 2003. “*Professional Ethics Begin On The College Campus*”. Chronicle Of Higher Education. Vol. 50 Issue 4.
- Fagothey, A.1972. *Right and Reason: Ethics in Theory and Practice* (5<sup>th</sup> Ed) St. Louis: Mosby
- Finnis, J. 1983. Fundamentals of Ethics. Washington,DC: Georgetown University Press.
- Hauptman, R. 2002. *Dishonesty in The Academy*. Academe. Nov/Dec

- Hamka. (2003). *Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hasnan Kasan. (2008). *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Laninska, S., & Garcia-Lamor, J. 2006. Morals, ethics, and integrity: How code of conduct contribute to ethical adult education practice. *Public Organization Review*, 6:3-20.
- Mardzelah Makhsin, (2008). *Hisbah Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Maisarah Mohamed Saat, (2005). Menara Gading Sebagai Satu Institusi Moral. Johor. UTM
- Mohd Miqdad Aswad, (2016). *Pemerkasaan Masjid Melalui Sistem Hisbah*. Journal UiTM, No.2(2016). <http://journale-academiauimt.edu.my/>.
- Mohd Tap Salleh. 2008. Leaser must be whiter than white. *The Sunday Times*. January6. 2008, SundayInterview,pp.6-7.
- N. A. 2003. Indonesia Educators Plagued By Lack Of Ethics, Plagiarism. Jakarta Post (Indonesia). 07/05/2003.
- Nash, D.A. 2007. On ethics in the profession of dentistry and dental education. European Journal of Dental Education, 11:64-74.
- Reamer, F. G. 1982. *Ethical Dilemmas in Social Service*. New York: Columbia University Press.
- Universiti Teknologi Malaysia, 2001. *Kod Etika Profesional Staf*.
- Winstanley, D., & Woodal, J. 2004. The adolescence of ethics in human resource management. Human Resource Management Journal, 16:3:231-249